



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 8 JUN 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	QUEEN VISITS RUMAH SERI KENANGAN CHERAS	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/07/queen-visits-rumah-seri-kenangan-cheras	THESTAR.COM.MY
	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2195768	BERNAMA.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=65gSo5KNRzY&ab_channel=BeritaRTM	YOUTUBE
	https://twitter.com/staronline/status/1666304909325762561	TWITTER
	https://twitter.com/bernamadotcom/status/1666302958022320128	TWITTER
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1111217/raja-permaisuri-agong-berkenan-lawat-rumah-seri-kenangan-cheras	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/974958/raja-permaisuri-agong-berkenan-lawat-rumah-seri-kenangan-cheras	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	SUAMI ISTERI BEBAS TANPA DILEPASKAN, DERA KANAK-KANAK	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/suami-isteri-bebas-tanpa-dilepaskan-dera-kanakkanak-x8lkr8x	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=UsADwN3BV2E	YOUTUBE
	https://www.sinarharian.com.my/article/262249/video/berita-semasa-video/ibu-bapa-tiri-dilepaskan-tuduhan-cuai-cederakan-anak	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/262212/berita/semasa/ibu-bapa-tiri-dilepaskan-tuduhan-cuai-cederakan-anak	SINARHARIAN.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/64928-cuai-terhadap-kanak-kanak-suami-isteri-dilepas-tanpa-dibebaskan	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-bapa-tiri-dilepaskan-tuduhan-cuai-cederakan-anak-422864	ASTROAWANI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	LELAKI KASARI PEMANDU WANITA DIREMAN TIGA HARI	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/111182/lelaki-kasari-pemandu-wanita-direman-tiga-hari	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/lelaki-pukul-kepala-pemandu-wanita-direman-tiga-hari/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/07/polis-sahkan-terima-laporan-lelaki-tunjal-kepala-pemandu-wanita/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/974920/lelaki-kasari-pemandu-wanita-direman-tiga-hari	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=zawu_dOf-VQ	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=1LEvij-XlCM	YOUTUBE
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/07/lelaki-pukul-kepala-pemandu-wanita-direman-tiga-hari/	KOSMO.COM.MY
	https://www.thevocket.com/tindakan-pemandu-myvi-ancam-keluarga-kami-lelaki-tunjal-kepala-wanita-tampil-pertahankan-diri/	THEVOCKET.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/lelaki-kasari-pemandu-wanita-turut-buat-laporan-polis/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=_MXrBIT5D5w	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
4	GADIS HILANG DI THAILAND, POLIS TERIMA LAPORAN IBU MANGSA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/262233/berita/semasa/gadis-hilang-di-thailand-polis-terima-laporan-ibu-mangsa	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/pdrm-interpol-kesan-wanita-hilang-di-chiang-mai/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/global/asia/2023/06/974888/polis-thailand-lancar-operasi-cari-wanita-malaysia-hilang	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	DIPENJARA 7 TAHUN, 2 SEBATAN LIWAT KANAK-KANAK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/975089/dipenjara-7-tahun-2-sebatan-liwat-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1111313/peniaga-kena-penjara-7-tahun-2-sebatan-liwat-kanak-kanak-perempuan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/06/peniaga-liwat-kanak-kanak-perempuan-dihukum-penjara-tujuh-tahun/	UTUSAN.COM.MY
BIL	PERKARA	SUMBER
6	PENGUNDI WANITA 'PENYELAMAT' UMNO	
	https://www.sinarharian.com.my/article/262311/berita/politik/pengundi-wanita-penyelamat-umno	SINARHARIAN.COM.MY
	https://umno-online.my/2023/06/07/pau-2023-bermula-dengan-pendaftaran-perwakilan-wanita-pemuda-dan-puteri-umno/	UMNO-ONLINE.MY
BIL	PERKARA	SUMBER
7	5 SEKELUARGA DITAHAN, POLIS TEMUI PISTOL, PELURU, DADAH DI RUMAH	
	https://www.sinarharian.com.my/article/262257/berita/semasa/5-sekeluarga-ditahan-polis-temui-pistol-peluru-dadah-di-rumah	SINARHARIAN.COM.MY
BIL	PERKARA	SUMBER
8	BAPA, ANAK PEREMPUAN DITEMUI LEMAS DI TASIK KEPONG	
	https://www.malaysiakini.com/news/667821	MALAYSIAKINI.COM



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	GADIS BUTA INI PEROLEH 'GOLDEN BUZZER', TAWAN HATI JURI AMERICA'S GOT TALENT	
	https://www.astroawani.com/berita-hiburan/gadis-buta-ini-peroleh-golden-buzzer-tawan-hati-juri-americas-got-talent-422954	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	UCAPAN PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG WANITA, PEMUDA DAN PUTERI UMNO	
	https://umno-online.my/2023/06/07/ucapan-perasmian-perhimpunan-agung-wanita-pemuda-dan-puteri-umno/	UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	FATHER FORCED DAUGHTER INTO DOUBLE SUICIDE AT TAMAN TASIK METROPOLITAN KEPONG	
	https://hype.my/2023/332885/forced-double-suicide-taman-tasik-metropolitan/	HYPE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	MALAYSIA'S SARAWAK STATE PREPARES FOR AN 'AGING SOCIETY'	
	https://www.heraldmalaysia.com/news/malaysias-sarawak-state-prepares-for-an-aging-society/71437/5	HERALDMALAYSIA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
13	JKM KUANTAN KESAN WARIS LELAKI GELANDANGAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/262256/edisi/pahang/jkm-kuantan-kesan-waris-lelaki-gelandangan	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	SEMUA TASKA DI NEGERI SEMBILAN WAJIB PASANG CCTV - EXCO	
	https://www.sinarharian.com.my/article/262263/edisi/melaka-ns/semua-taska-di-negeri-sembilan-wajib-pasang-cctv---exco	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	TASKA DIDAKWA ANIAYA PEKERJA BEROPERASI TANPA LESEN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/975011/taska-didakwa-aniaya-pekerja-beroperasi-tanpa-lesen	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	CABARAN PENERUSI JPKKOA WANITA PERTAMA	
	https://www.utusan.com.my/gaya/2023/06/cabaran-tok-batin-wanita-pertama/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	WANITA POTONG, CURI RANTAI BUDAK DI JOM HEBOH DIDAKWA ESOK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/07/wanita-potong-curi-rantai-budak-di-jom-heboh-didakwa-esok/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	BOMBA TEMUI MAYAT WANITA, LELAKI DI TASIK METROPOLITAN KEPONG	
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/07/bomba-temui-mayat-wanita-lelaki-di-tasik-metropolitan-kepong/	KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/6/2023

BIL

PERKARA

SUMBER

19

**MUM CLIMBS MT KINABALU TO SHED LIGHT ON SON'S RARE
CONDITION**

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2023/06/07/mum-climbs-mt-kinabalu-to-shed-light-on-sons-rare-condition/>

FREEMALYSIATODAY.COM



TAJUK : LELAKI KASARI PEMANDU WANITA DIREMAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 08 JUN 2023

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Suspek dibawa ke Mahkamah
Majistret, Tapah, semalam.

(Foto L Manimaran/BH)

Lelaki kasari pemandu wanita direman

Tapah: Mahkamah Majistret semalam membenarkan seorang suspek lelaki yang didakwa menunjukkan isyarat lucu dan memukul kepala seorang wanita berdekatan pusat peranginan Lata Iskandar di sini Isnin lalu, direman tiga hari.

Majistret Siti Hanum Mohamad Sah membenarkan permohonan polis menahan reman lelaki berusia 29 tahun itu yang juga penyelia kilang di Serdang, Selangor bermula Rabu hingga Jumaat ini untuk membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan bagi kesalahan mendatangkan cedera serta Seksyen 506 dan 509 kanun sama kerana melakukan ugutan jenayah dan perbuatan mengaibkan kehormatan.

Terdahulu tular satu video berdurasi 59 saat yang memaparkan seorang lelaki berbaju merah keluar daripada kereta PROTON Persona dipandunya dan mengetuk cermin kenderaan sebelum memarahi pemandu wanita serta memukul kepala mangsa.

Dalam kejadian kira-kira 5.33 petang, pemandu wanita berusia 24 tahun berkenaan dilemparkan kata-kata kesat oleh lelaki itu sebelum kepalanya dipukul.

Kelmarin, Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri, berkata suspek ditahan polis di sekitar Serdang, Selangor selepas mangsa membuat laporan di Balai Polis Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor.

Siasatan lanjut dijalankan polis mendapati kejadian berlaku pada jam 5.33 petang, Isnin lalu, ketika mangsa berusia 24 tahun bersama adik lelakinya yang berusia 17 tahun dalam perjalanan dari Cameron Highlands ke Tapah.

"Mangsa dikatakan cuba memotong kereta suspek tetapi gagal, sebelum lelaki itu menunjukkan isyarat lucu dan memperlakukan kenderaan sehingga jalan menjadi sesak," katanya.



TAJUK : PEDi BANTU USAHAWAN KECIL PERKASA ILMU DIGITAL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 08 JUN 2023

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK M

PEDi bantu usahawan kecil perkasa ilmu digital

Kursus asas komputer dan ICT disedia tingkat taraf sosiekonomi peniaga desa, bandar

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kewujudan Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) dapat melahirkan dan memperkasakan usahawan kecil ke arah pendigitalan yang inovatif dan berdaya saing bagi meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat.

PEDi juga membantu meningkatkan jualan, malah turut membantu usahawan sama ada di bandar atau luar bandar memperkenalkan produk ke seluruh negara menerusi kaedah digital.

Pengurus PEDi Kampung Batu 1 Kuala Ketil di Baling, Kedah Zieadatul Zulkifli, berkata sebelum mendapat pendedahan di PEDi usahawan hanya dapat menembusi pasaran yang ada di sekitar Baling dengan berdagang secara fizikal.

Bagaimanapun, apabila diberi latihan dan bimbingan di PEDi, usahawan terbahagi dapat meluaskan pasaran mereka.

"Sebelum ini ada usahawan menghasilkan bahu tradisional yang kerap dijadikan sebagai hantaran perkahwinan. Beliau lebih gemar berjumpa pelanggan secara berdepan untuk melakukan jualan.

"Walaupun sudah ada aplikasi Shopee, usahawan terbabit tidak menggunakannya untuk menjual produk. Mungkin dia kurang faham atau tidak mahir menggunakan kaedah perniagaan dalam talian.

"Namun, selepas mengikuti latihan di PEDi dan diberikan bimbingan untuk memasarkan produk serta cara untuk kongsi pautan kepada orang ramai, akhirnya dia berjaya juga melariskan produk bahunya secara digital," katanya.

Bengkel asas fotografi

Zieadatul berkata, selain itu PEDi juga berperanan membantu usahawan dengan kursus asas komputer, multimedia serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), termasuk membimbing mereka cara mengambil gambar produk untuk dipasarkan di media sosial.

Katanya, bagi mencapai tujuan itu program bengkel asas fotografi diadakan bagi mendedahkan usahawan cara mengambil gambar dengan pencahayaan yang tepat dan mempelajari mengenai suntingan gambar; ia sekali gus mendekatkan usahawan ilmu pengetahuan media digital dan pendekatan mengenai ICT.



Penduduk memanfaatkan bengkel asas komputer di PEDi Kampung Batu 1, Kuala Ketil di Baling, Kedah.

“Di bandar ini walaupun di PPR, kita lebih mudah dapatkan akses. Bagaimanapun, tidak ramai yang mahir menggunakannya. Banyak program yang kita adakan bertujuan untuk didik komuniti”

Mohd Fikri Yahya,
Pengurus PEDi PPR
Hiliran Ampang



"Selain itu, kita juga ajarkan cara bagaimana untuk menghasilkan risalah, logo perniagaan dan juga pelekat untuk ditampal pada produk mereka. Pada masa sama, kita juga membimbing usahawan bagaimana untuk mendaftarkan perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)," katanya.

Beliau berkata, PEDi juga memberi impak penting bagi membantu usahawan menjana pendapatan melalui ekonomi digital khususnya suri rumah.

"Ada suri rumah mempunyai

kemahiran untuk menghasilkan kek tetapi selalunya kek yang dibuat dimakan oleh anak dan juga ahli keluarga terdekat.

"Sekarang ini kita bantu dia bagaimana untuk mendapatkan lebih banyak pelanggan. Mungkin di luar lingkungan keluarga atau jiran dalam kawasan yang sama ataupun di tempat lain. Inilah impak yang PEDi boleh bantu supaya komuniti dapat menjana pendapatan," katanya.

Beliau berharap, komuniti dapat memanfaatkan PEDi ini sebaiknya supaya pusat berkenaan dapat berkekalan.

Tumpu kemahiran internet

Pengurus PEDi Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran Ampang, Mohd Fikri Yahya pula berkata, PEDi di kawasan bandar lebih menumpukan untuk memberikan bimbingan kepada komuniti bagaimana untuk menggunakan internet.

"Di bandar ini walaupun di PPR, kita lebih mudah mendapatkan akses. Bagaimanapun, tidak ramai yang mahir untuk menggunakannya. Banyak program yang kita adakan bertujuan untuk mendidik komuniti.

"Contohnya seperti pendedahan kepada scam. Kita mengajar mereka teknik yang digunakan oleh scammer supaya mereka tidak terpedaya. Scam ini bahaya kerana mereka boleh menggunakan maklumat peribadi untuk pelbagai tujuan.

"Kita juga ada menyediakan kelas untuk kanak-kanak supaya berhati-hati dalam menggunakan komputer dan tidak menjadi mangsa seksual di media sosial," katanya.

Selain itu, beliau berkata, impak PEDi ini, ramai usahawan yang mendapat manfaat terutama peniaga gerai makan.

"Usahawan gerai makan di sekitar PPR ini kami bantu mereka untuk kembangkan perniagaan. Kita juga membantu mereka untuk mereka cipta menu baharu sekiranya mereka memerlukan.

"Ramai juga usahawan yang kami bantu untuk kembangkan perniagaan dengan kerjasama agensi, contohnya seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC). Malah, jurulatih daripada MDEC juga kerap datang ke sini bagi mengadakan kelas," katanya.

Katanya, sebelum pandemik COVID-19, ramai yang datang ke PEDi untuk melakukan pelbagai kegiatan tetapi kini ramai yang menumpukan kepada industri ekonomi digital.

Beliau turut berharap lebih ramai komuniti boleh memanfaatkan usaha kerajaan ini. Tambahan pula, komputer yang ada di PEDi ini sudah ditambah baik dengan peralatan baharu dan menggunakan lebih banyak perisian.



Usahawan diberi bimbingan memasarkan produk secara digital dalam usaha tingkatkan penjualan mereka.



PEDi Hiliran Ampang dilengkapi peralatan dan perisian baharu bagi dimanfaatkan penduduk sekitar. (Foto Genes Gulitah/BH)



TAJUK : USAHAWAN WANITA PERLU REBUT PELUANG PERBNIAGAAN IP

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 08 JUN 2023

M/SURAT : 11

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Usahawan wanita perlu rebut peluang perniagaan IP

Oleh Asrizam Esam
bhrencana@bh.com.my



Pegawai Penyelidik
Kanan, Seksyen
Promosi dan
Pemasaran Inovasi,
Putra Science Park,
Universiti Putra
Malaysia

Cabaran usahawan wanita mendepani dunia perniagaan sering terlindung di sebalik 'bayang-bayang lelaki' walaupun pencapaian dan sumbangan golongan hawa dalam pelbagai bidang termasuk politik, ekonomi serta sosial amat penting bagi membentuk kesejahteraan, kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara.

Dalam perniagaan membabitkan harta intelek (IP) khususnya, bilangan usahawan wanita menceburi bidang itu masih kurang berbanding lelaki. Dalam hal ini, Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO), menyediakan sokongan dan

sumber diperlukan untuk membantu wanita melindungi serta meningkatkan nilai perusahaannya mereka melalui penggunaan IP.

IP adalah perniagaan permulaan dipacu inovasi, sama ada dalam bentuk paten, hak cipta, reka bentuk perindustrian dan rahsia dagangan. Ia penting dalam memastikan keunikan produk dan menangani isu cetak rompak atau pelanggaran hak daripada pesaing.

Pada masa ini, beberapa pejabat IP tempatan di seluruh dunia sedang melancarkan inisiatif bertujuan menyokong wanita dalam perniagaan IP. Pejabat Ketua Pengawal Paten, Reka Bentuk

dan Tanda Dagangan (CGPDTM) India contohnya menawarkan pengurangan yuran 80 peratus kepada syarikat baharu dan usahawan wanita.

Latihan membina kemahiran

Di Amerika Syarikat (AS), Pejabat Paten dan Tanda Dagangan (USPTO) turut mengurangkan yuran untuk entiti kecil dan mikro sebanyak 60 dan 80 peratus. Institut Harta Perindustrian Mexico (IMPI) pula menawarkan pelbagai sumber, termasuk latihan membina kemahiran, bimbingan membantu wanita menambah nilai dan mengkomersialkan teknologi inovatif.

Di Malaysia, usahawan wanita berjaya di dalam perniagaan berteraskan IP dilihat tidak jauh ketinggalan. Contohnya penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Emeritus Datuk Dr Asma Ismail mempelopori pengkomersialan diagnostik pantas penyakit demam kepialu, dipatenkan di lebih 20 negara.

Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Lai Oi Ming, pengasas syarikat pemula Lipidware berjaya mengkomersialkan paten krim pelembap penghidap ekzema turut digunakan di China ketika pandemik COVID-19 melanda.

Malaysia harus berbangga dengan usahawan wanita seperti Tan Hooi Ling, pengasas bersama aplikasi Grab menyediakan perkhidmatan e-panggilan merentas Asia Tenggara dan Pazdilah Enda Sulaiman, usahawan telekung inovasi Siti Khadijah.

Secara keseluruhannya kesedaran usahawan tempatan di Malaysia tanpa mengira jantina termasuk perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana (PMKS) berhubung kepentingan IP dilihat semakin meningkat apabila 46,812 pendaftaran IP direkodkan pada 2021.

Peruntukan bernilai RM2 juta Dana Pemfanaan IP disediakan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 2023 harus diambil peluang usahawan wanita untuk mengembangkan idea perniagaan mereka.

Inisiatif lain seperti Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui dana Inovasi Sosial Malaysia bagi membangunkan inovasi tempatan dan usahawan B40 juga langkah penting membantu usahawan wanita memulakan langkah perniagaan mereka.

Malaysia harus mencontohi WIPO, berterusan menjalankan pelbagai program bimbingan IP di seluruh dunia untuk membantu perniagaan diterajui usahawan wanita melindungi dan memanfaatkan aset IP. Perniagaan berpacu IP kini menjadi agenda utama supaya manfaat inovasi dapat dinikmati masyarakat dan negara.

Pembentukan ekosistem inovasi mapan ditunjangi kerajaan, universiti atau agensi penyelidikan serta pemain industri perlu menjadi obligasi utama kerajaan bagi memacu IP sebagai asas perniagaan mampu memberi impak tinggi kepada usahawan dan Malaysia.



TAJUK : DUA NAFI ROMPAK WARGA EMAS 3 KALI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 JUN 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



TERTUDUH diiringi polis ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh. - Gambar NSTP/L. MANIMARAN

Dua nafi rompak warga emas 3 kali

Ipoh: Dua individu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan memecah masuk kediaman dan merompak pasangan warga emas sama sebanyak tiga kali dalam tempoh tiga minggu.

M Hari Chandra, 41, dan Lawrence Anthony Das, 39, bagaimanapun mengaku tidak bersalah ketika pertuduhan dibacakan secara bersama ke atas mereka di hadapan Hakim Ainon Shahrin Mohamad.

Berdasarkan kertas pertuduhan, mereka didakwa melakukan rompak berkumpulan dengan bersenjata pisau terhadap Chan Liew Chan, 72, di sebuah rumah di Regat Tasek Timur 20, Taman Ria di sini, jam 3 pagi 24 Mei lalu.

Kesalahan itu boleh dihukum mengikut Seksyen 395 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 397 Kanun yang sama, sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Nazreen Zabarudin manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Mohd Nazreen tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh dengan mengambil kira keterangan mangsa bahawa kedua-dua tertuduh melakukan jenayah itu sebanyak tiga kali di rumah yang sama iaitu rumah mangsa.

Mohd Nazreen bagaima-

napun memohon pertimbangan mahkamah bahawa sekiranya tertuduh dibenarkan untuk dijamin, ia mesti disertakan dengan syarat tambahan iaitu tertuduh tidak boleh mengganggu mangsa selain perlu melapor diri ke balai polis dua kali sebulan sehingga kes selesai.


Mahkamah membenarkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin setiap seorang selain bersetuju dengan syarat tambahan yang dipohon oleh pihak pendakwaan sebelumnya.

Hakim turut menetapkan tarikh 7 Julai ini untuk sebutan semula kes.

Sementara itu, dalam kamar mahkamah berasingan, rakan kepada kedua-dua tertuduh itu iaitu M Shashipal Singh, 33, turut didakwa dengan pertuduhan secara curang menyimpan harta curi berupa sebuah telefon bimbit kepunyaan Liew Chan dengan pengetahuan bahawa barangan terbabit adalah hasil rompakan berkumpulan.

Shashipal Singh bagaimanapun turut mengaku tidak bersalah ketika pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Azizah Ahmad.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu didakwa menyimpan harta curi berupa sebuah telefon bimbit jenama Huawei 3i kepunyaan Liew Chan dengan pengetahuan bahawa barangan terbabit adalah hasil rompakan berkumpulan.



TAJUK : ISTERI TAK BALIK SEJAK KELUAR RUMAH 26 MEI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 JUN 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



LIEW menunjukkan laporan polis dan gambar isteri, Ng Saw Hoon yang hilang. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

Isteri tak balik sejak keluar rumah 26 Mei

Puchong: Seorang jurutera bimbang dengan keselamatan isteri selepas usaha mengesan wanita itu yang hilang selepas keluar rumah sejak 26 Mei lalu, menemui jalan buntu.

Lelaki yang mahu dikenali Liew, 57, berkata isterinya Ng Saw Hoon, 56, keluar rumah di Bandar Puchong di sini dan dia hanya mengetahui kehilangan wanita itu sebaik pulang ke rumah pada jam 1.30 tengah hari dan mencari isteri tiada di rumah.

Katanya, dia membuat semakan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) mendapati isterinya keluar membawa beg pakaian sebelum menaiki sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) Proton Exora.

"Saya cuba menghubunginya tetapi gagal. Saya kemudian keluar mencarinya di kawasan sekitar dan menghubungi anak serta saudara lain meminta bantuan tetapi mereka juga ti-

dak tahu di mana isteri saya berada.

"Selepas 24 jam kehilangan isteri dan usaha mencarinya tidak berhasil, saya membuat laporan di Balai Polis Puchong," katanya dalam sidang media di Pejabat Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) Bahagian Puchong di sini, semalam.

Turut hadir Pengerusi Gerakan Bahagian Puchong Jimmy Chew Jyh Gang.

Ber cerita lanjut, Liew berkata, sebelum kehilangan isterinya yang juga suri rumah, wanita itu tidak menunjukkan sebarang perubahan dan hanya mengadu sakit badan serta pening.

Malah, katanya, mereka juga tidak bertengkar atau berselisih faham yang boleh menyebabkan wanita itu melarikan diri.

Beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai Saw Hoon supaya menghubunginya di talian 012-2781399 atau Liew di talian 011-69545856.



TAJUK : PASANGAN DILEPAS TANPA DIBEKAS TUDUHAN CUAI TERHADAP ANAK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 JUN 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Johor Bahru: Suami isteri dilepas tanpa dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan pindaan bertindak cuai terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun, dua bulan lalu.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail membuat keputusan itu selepas mendapati pertuduhan pindaan yang dikemukakan pihak pendakwaan terdapat elemen penduaan.

Berdasarkan pertuduhan pindaan, tertuduh, S Nagen-dran dan A Sangeetha, kedua-duanya berusia 23 tahun, didakwa mencapai niat bersama bertindak secara cuai terhadap kanak-kanak yang berada di bawah pemeliharaan mereka itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di rumah mereka dekat Skudai Villa Apartment, Jalan Aman, Taman Skudai Baru di sini, jam 12.30 tengah malam, 28 April lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dibaca

Pasangan dilepas tanpa dibebaskan tuduhan cuai terhadap anak




NAGENDRAN dan Sangeetha ketika keluar dari Mahkamah Sesyen Johor, semalam. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pada 3 Mei lalu, suami isteri itu mengaku bersalah bagi pertuduhan mencapai niat bersama menganiayai kanak-kanak yang berada di bawah pemeliharaan mereka itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal.

Mahkamah menetapkan semalam, untuk menjatuhkan hukuman. Bagaimanapun, pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Umar Faiz Abdul Kohar mengemukakan pertuduhan pindaan itu semalam.

Kedua-dua tertuduh kemudian mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan bagi pertuduhan pindaan selepas dibacakan jurubahasa mahkamah.



TAJUK : SITI NURHALIZA KONGSI PENTAS DENGAN FOSTER

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 JUN 2023

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Siti Nurhaliza kongsi pentas dengan Foster

Kuala Lumpur: Impian Datuk Seri Siti Nurhaliza (**gambar**) untuk berkongsi pentas dengan maestro muzik, David Foster akhirnya menjadi nyata apabila diundang membuat persembahan pada Konsert David Foster & Friends Asia 2023 pada 7 Ogos ini di Mega Star Arena, di sini.

Lebih bermakna, kata Siti, 44, pihak pengurusan komposer terkenal dari Kanada itu bukan saja mengundangnya untuk menjayakan konsert di sini, tetapi juga konsert di Singapura yang berlangsung kesokannya.

"Kali pertama saya beraksi bersama Foster ialah di persembahan eksklusif pada 2014. Saya juga berdoaa bukan persembahan per-

tama dan terakhir. Selepas itu, saya diundang pihak pengurusan mereka beberapa kali membuat persembahan bersama di Indonesia tapi rezeki tidak menyebelahi saya ketika itu.

"Justeru, saya tidak akan sia-siakan peluang ini ketika ramai penyanyi muda yang bagus di luar tetapi pasukan pengurusan Foster tetap memanggil saya," katanya ketika ditemui di sidang media Konsert David Foster & Friends di sebuah hotel terkemuka di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Prihatin, Datuk Mohd Aizuddin Ghazali. Konsert berkenaan dianjurkan Yayasan Prihatin Nasional.

Ditanya pandangannya mengenai Foster, Siti berkata, dia mula meminati Foster ketika diperkenalkan oleh komposer, Allahyarham Datuk Adnan Abu Hassan pada awal pembabitannya dalam industri muzik pada usia 16 tahun.

Katanya, dari situ juga dia mula meminati Foster dan juga penyanyi terkenal, Celine Dion.

"Saya merakamkan lagu popular Celine, The Colour

Of My Love dalam album kedua kerana itu lagu ciptaan Foster yang paling diminati," katanya.

Dalam pada itu, Siti bakal menyampaikan sebuah lagu ciptaan Foster dan sebuah lagu popularnya yang masih dirahsiakan lagi.

"Berkongsi pentas dengan Foster adalah impian setiap artis. Saya juga berasa diri ini sangat kecil apabila tengok senarai artis hebat yang terabit dalam konsert ini.

"Saya sedar diri belum dikenali di peringkat antarabangsa dan hanya dikenali di Asia. Namun, saya percaya belum terlambat untuk dikenali di pentas antarabangsa pada usia 44 tahun," katanya.

**“
Saya rasa diri ini
sangat kecil bila
tengok artis
hebat yang
terabit
Siti Nurhaliza**





TAJUK : TUNKU AZIZAH SANTUNI PENGHUNI RSK CHERAS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 JUN 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Kajang: Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah semalam berkenan berangkat melawat Rumah Seri Kenangan (RSK) Cheras, di sini.

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda jam 10 pagi disambut isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Lawatan itu sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Isnin lepas.

Tunku Azizah turut berkenan mengurniakan cek sumbangan kepada RSK Cheras dan menyantuni warga pusat itu yang tidak melepaskan peluang untuk

Tunku Azizah santuni penghuni RSK Cheras



TUNKU Azizah berkenan menyantuni penghuni RSK Cheras sambil ditemani Dr Wan Azizah.

bersalaman dengan Seri Paduka Baginda.

Sebelum berangkat pulang, Raja Permaisuri Agong berkenan melawat Pusat Rehabilitasi RSK Cheras dan menandatangani buku pelawat.

Rumah Seri Kenangan ditubuhkan untuk memberi perlindungan, pemulihan, pembangunan dan pengintegrasian kepada warga emas bagi meningkatkan kualiti hidup mereka.

Ketika ini, jumlah penghuni di RSK Cheras adalah 211 orang terdiri dari 126 lelaki dan 85 perempuan.

Terdahulu, Nancy dalam ucapan sembah menjunjung kasih berkata, generasi muda digalakkan untuk terus menjalankan tanggungjawab sebagai anak




Rumah Seri Kenangan sewajarnya menjadi pilihan terakhir bagi warga emas negara ini"

Nancy

dan tidak mengabaikan ibu bapa.

Katanya, berdasarkan kajian yang dijalankan, sebahagian warga emas mahu terus tinggal bersama keluarga.

"Institusi kekeluargaan kukuh dan perhubungan erat antara generasi adalah penyumbang ke arah kesejahteraan warga emas, sehubungan itu, Rumah Seri Kenangan sewajarnya menjadi pilihan terakhir bagi warga emas negara ini," katanya.



TAJUK : 3-DAY REMAND FOR ALLEGED ROAD BULLY

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 08 JUN 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



The suspect had allegedly confronted a female driver and began scolding and hitting her after she attempted to overtake his car. PIC COURTESY OF READER

ATTACKED FEMALE DRIVER

3-day remand for alleged road bully

TAPAH: A man who allegedly hurled abusive words and hit a female driver's head has been remanded for three days.

Magistrate Siti Hanum Mohamad Sah granted the order, which will last until Friday, for police to carry out investigations against the 29-year-old man.

The case is being investigated under Sections 323, 506 and 509 of the Penal Code for causing hurt, criminal intimidation and intent to insult a woman's modesty, respectively.

In a 59-second video posted by Facebook user Aizacd Zack, a man clad in a red T-shirt was seen getting out of his car, knocking on the female driver's window and berating her over her driving.

"Drive your car properly. Your (driving) is endangering other people's lives.

"Don't mess around! Don't make me hit you!"

The woman was seen trying to explain her situation to the angry man, but he continued hurling abusive words at her.

He was then seen hitting her head more than once.

On Tuesday, Perak police chief Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri said the 24-year-old female driver had lodged a report at the Saujana Utama police station in Sungai Buloh, Selangor, about 10am.

"Initial investigations found that the incident happened yesterday (Monday) at 5.33pm when

the woman was driving to Tapah from Cameron Highlands.

"The female driver, who was with her 17-year-old brother, wanted to overtake the man's car, but she could not do so, and the man made obscene gestures."

